



14 April 2019

KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

10 HARI HANYA 35 KENDERAAN E-HAILING HADIR PEMERIKSAAN DI PUSPAKOM

Petaling Jaya, 14 April – PUSPAKOM Sdn. Bhd. (“PUSPAKOM”) hari ini mengumumkan bahawa dari tarikh 1 sehingga 10 April 2019, hanya 35 buah kenderaan e-Hailing, atau 0.02% daripada jumlah anggaran 200,000 kenderaan hadir menjalani pemeriksaan e-Hailing di PUSPAKOM. Jumlah kenderaan e-Hailing yang hadir pemeriksaan ini adalah sangat rendah berbanding dengan jumlah anggaran kenderaan e-Hailing seperti yang dilaporkan.

Justeru, PUSPAKOM sekali lagi menyarankan agar semua pemandu kenderaan e-Hailing tidak menunggu sehingga saat akhir untuk membawa kenderaan mereka menjalani pemeriksaan di PUSPAKOM bagi mengelakkan sebarang masalah seperti tidak mendapat kelulusan dalam garis masa yang ditetapkan dan kesesakan di saat-saat akhir. Para pemandu hanya ada tempoh masa yang kurang daripada tiga bulan daripada tarikh penguatkuasaan bermula 13 Julai 2019.

“Dengan kapasiti semasa, sistem operasi, infrastruktur, perkhidmatan pemeriksaan bergerak yang tersedia, 25 tapak lawatan berjadual dan rangkaian pusat pemeriksaan kenderaan untuk pemeriksaan e-Hailing yang merangkumi 54 daripada 56 cawangan tetap di seluruh negara, PUSPAKOM telah bersedia memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Kami memberi jaminan bahawa PUSPAKOM mempunyai kapasiti yang mencukupi bagi menjalankan pemeriksaan kenderaan e-Hailing di Malaysia,” menurut Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Shukor Ismail.

“Lanjutan waktu operasi seperti operasi tujuh (7 hari) seminggu di 19 cawangan terpilih juga dilaksanakan secara khusus bertujuan melancarkan proses pemeriksaan e-Hailing. Para pemandu hanya perlu membawa kad pendaftaran kenderaan asal tanpa lesen PSV ketika hadir pemeriksaan. Pihak kami berharap agar pemandu e-Hailing dapat hadir ke cawangan PUSPAKOM pada hari Sabtu dan Ahad, disamping waktu tambahan pada hari biasa, rebutlah peluang ini untuk menjalani pemeriksaan kenderaan anda,” tambah Shukor.



“Lebih dari dua ratus orang pemandu e-Hailing dijangka menghadiri Taklimat Pemeriksaan Kenderaan sempena Hari Terbuka e-Hailing yang diadakan di cawangan PUSPAKOM Petaling Jaya, Mak Mandin, Pulau Pinang dan Taman Daya, Johor hari ini. Kami akan menganjurkan Hari Terbuka e-Hailing ini sebulan sekali dari April sehingga Julai di cawangan-cawangan terpilih bertujuan untuk mendekati para pengusaha dan pemandu agar dapat membantu mereka memahami prosedur serta piawaian pemeriksaan yang perlu dipatuhi,” tambah Shukor.

Pelbagai saluran telah disediakan oleh PUSPAKOM untuk para pemandu yang memerlukan khidmat nasihat seperti talian bebas tol PUSPAKOM 1-800-88-6927, e-mel customerservice@puspakom.com.my, mesej peribadi di Facebook rasmi PUSPAKOM Sdn Bhd atau *Live Chat* melalui laman sesawang PUSPAKOM www.puspakom.com.my

###

Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan

Ibu Pejabat PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Tel: +603-2052 7465 / 7322